

KPDNHEP Tawau periksa 2,319 premis sepanjang PKP

Published on: Wednesday, May 27, 2020

By: Lagatah Toyos



ASLANI (kanan) bersama pasukan penguatkuasa KPDNHEP sedang melakukan pemeriksaan harga.

TAWAU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) daerah ini memeriksa 2,319 premis dalam pemeriksaan khas yang dijalankan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDHEP Tawau, Aslani Dabi berkata, pemantauan dilakukan ke atas semua premis termasuk pasar awam dan pasaraya bagi memastikan peniaga menjalankan perniagaan secara beretika, dan tidak mencatat iaitu menaikkan harga secara tidak munasabah.

“Premis-premis tersebut melibatkan punca bekalan seperti pengilang, pengeluar dan penternak serta pemborong dan peruncit,” katanya, menambah seramai 23 penguatkuasa terlibat dalam pemeriksaan tersebut.

Selain itu, tujuan pemeriksaan juga adalah untuk memastikan bekalan barangan keperluan sentiasa mencukupi, mudah diperolehi dan dijual pada harga berpatutan.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati barangan keperluan bagi daerah ini adalah mencukupi sempena musim perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Pesta Kaamatan dalam tempoh PKP ini.

Justeru, beliau meminta pengguna agar tidak mudah terpengaruh dengan berita-berita palsu yang tular menerusi media sosial sehingga menyebabkan pengguna melakukan pembelian panik.

“Pengguna tidak perlu panik kerana bekalan barangan keperluan dijamin mencukupi untuk tempoh PKP ini. KPDNHEP akan memastikan rantaian pengedaran bekalan barangan keperluan ini berjalan dengan baik dan lancar,” katanya.

Dalam pada itu, Aslani mengumumkan pelaksanaan Skim Kawalan Harga Maksimum Musim Perayaan (SKHMMP), yang berkuatkuasa 20 Mei hingga 3 Jun bagi Hari Raya, dan 28 Mei hingga 3 Jun bagi Pesta Kaamatan.

Katanya, pihaknya sudah mengedarkan notis makluman kepada semua peniaga sekitar daerah ini tentang kewajipan mematuhi harga maksimum ditetapkan, dan meletakkan tanda harga warna merah jambu ke atas semua barang harga terkawal.

Setakat ini sepanjang tempoh SKHMMP, pihaknya telah membuat pemeriksaan ke atas 123 peruncit dan 13 pemborong termasuk di luar bandar dan tiada pelanggaran skim tersebut.

Bagaimanapun, beliau menggesa masyarakat agarmembuat aduan kepada KPDNHEP Tawau pada talian 089-776690 atau 019-2794317 atau laman sesawang atau e-aduan.kpdnhep.gov.my sekiranya mereka tertipu atau mendapati ada peniaga tidak mematuhi SKHMMP.

<http://www.dailyexpress.com.my/news/153425/kpdnhep-tawau-periksa-2-319-premis-sepanjang-pkp/>

